

# KELAKUAN SEKS BEBAS DI KALANGAN REMAJA MELAYU<sup>1</sup>

oleh  
Idris Awang

## Abstract

*The study is an attempt to identify the causes that lead to the phenomenon of free sex among the youngsters in the Klang Valley. The data were collected from the sample of youngsters who frequented public places, namely, shopping complexes in Klang Valley and Merdeka Square in Kuala Lumpur. The study identifies that the causes are: too much freedom, simple attitude towards sex, peer's influence, the influence of mass media, easy accessibility to entertainment centres, unstable family relationship, easy availability of birth control facilities and lack of religious education.*

Kemajuan negara yang kita nikmati hari ini hanya akan terus berkekalan sekiranya institusi masyarakat terus teguh, tidak terganggu oleh masalah sosial yang boleh menggugat kestabilannya. Keadaan pada hari ini menampakkan institusi masyarakat kita, khususnya masyarakat Melayu Islam, menunjukkan gejala-gejala yang tidak sihat semakin menular: masalah pembuangan bayi seolah-olah tidak dapat dibendung, kes rogol dilaporkan hampir setiap hari, cara jenayah semakin canggih dan kejam boleh diambil sebagai beberapa misalan.

Kajian ini akan menumpukan perhatian kepada fenomena seks bebas di kalangan Melayu Islam di Lembah Kelang. Tumpuan kepada seks bebas kerana kegawatan dalam kelakuan seks akan menyumbang ke arah kemusnahan institusi keluarga yang nantinya akan merosakkan masyarakat keseluruhannya dan kegawatan seks di kalangan remaja akan merosakkan masyarakat dan negara pada masa akan datang. Ini bermakna kalau remaja baik, tandanya negara dan masyarakat pada masa hadapan akan baik dan sekiranya mereka buruk keadaan sebaliknya akan berlaku.

---

<sup>1</sup>Artikel ini adalah olahan semula data dari latihan ilmiah Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya, Siti Aliah bt. Ismail, (1996) "*Hubungan Seks Bebas Di Kalangan Remaja Melayu: Punca dan Penyelesaiannya dari Perspektif Islam.*"

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan satu set borang soalselidik yang diedarkan terus kepada 115 remaja yang berpelesenan di tempat-tempat hiburan dan kompleks-kompleks membeli-belah di sekitar Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam dan Kelang pada bulan Oktober dan November 1995. (Jadual 1) Kajian dilakukan semasa cuti sekolah sedang berjalan di mana ramai remaja menghabiskan masa melepak bersama kawan sebaya di tempat hiburan dan kompleks membeli-belah dan juga dataran-dataran. Mereka dipilih secara rambang dan setiap mereka mengambil masa lebih kurang 30 minit untuk menjawab soalselidik berkenaan.

### **Responden**

Kajian ini dikhususkan kepada remaja etnik Melayu sahaja dengan komposisi jantina 40.87% lelaki dan 59.13% perempuan. (Jadual 2) Kesemua mereka belum berkahwin. Dari segi usia mereka adalah di antara 12 hingga 25 tahun dengan agihan seperti berikut: 16-18 tahun 38.26%, 19-21 tahun 26.96%, 12-15 tahun 23.48% dan 22-25 tahun 11.23%. Dari sudut lain pula 32.17% bekerja, 50.43% masih belajar dan 1.74% bekerja sambil belajar. Pecahan pendidikan pula ialah 43.1% berada di tingkatan 1 hingga 3, 25.86% tingkatan 4 hingga 5, tingkatan 6 1.72%, universiti 25.86% dan kolej 3.45%.

### **Hasil Kajian**

Kajian dilakukan untuk mencari punca kepada masalah seks bebas sebagai satu usaha untuk mencari penyelesaiannya. Persoalan yang sering dikemukakan ialah sejauhmanakah kegiatan seks bebas berlaku di kalangan remaja dan seserius mana tahapnya berada:

#### **i. Responden yang terlibat dengan seks bebas**

Kajian ini mendapat 63 atau 54.78% dari 115 responden pernah melakukan seks bebas sementara yang bakinya tidak pernah tetapi 66.96% atau 77 orang mengakui kawan-kawan rapat mereka melakukan perbuatan itu. (Jadual 3 dan 4)

#### **ii. Jantina dan Umur**

Daripada 63 responden yang melakukan amalan seks bebas, 44.44% adalah lelaki dan 55.55% perempuan. Dari sudut umur pula 4.7% adalah di antara 12-14 tahun, 30.16% di antara 15-17 tahun, 49.21% di antara 18-21 tahun dan 15.87% di antara 22-25 tahun. (Jadual 5)

Jadual 6 pula menunjukkan 28.57% mula melakukan hubungan seks ketika berumur 12-14 tahun, 39.68% ketika berumur 15-17 tahun, 26.98% ketika berumur 18-21 tahun dan 4.76% ketika berumur 22-25 tahun.

Daripada 77 rakan rapat responden yang melakukan seks bebas, 38.96% berumur antara 15-17 tahun, 35.06% antara 18-21 dan 25.97% berumur antara 12-14 tahun. (Jadual 7).

Kalau dinisbahkan dengan bilangan kumpulan jantina responden lelaki yang melakukan seks bebas adalah lebih ramai iaitu 59.57% atau 28 dari 47 orang berbanding dengan 51.47% atau 35 dari 68 responden perempuan. Dari segi umur, remaja yang baru berumur 18 tahun hingga 21 tahun yang teramai dan mereka mula melakukan seks bebas ketika berumur antara 15 hingga 17 tahun.

### **iii. Hubungan Pasangan**

Kajian mendapati bahawa 46.03% daripada 63 responden yang melakukan seks bebas melakukannya dengan kekasih mereka sahaja, sementara 50.8% melakukannya dengan kekasih dan sesiapa sahaja yang mereka suka, lebih dari satu pasangan, manakala 3.17% tidak menyatakan dengan siapa.

### **iv. Kekerapan Melakukan Hubungan Seks**

Dari sudut kekerapan pula, 3.17% melakukannya hampir setiap hari, 1.59% 2-3 kali seminggu, 3.17% sekali sekala, 6.35% 2-3 kali sebulan dan hanya 3.17% pernah sekali melakukannya dan 79.37% melakukannya bila terasa mahu. Peratusan ini termasuk 1.59% responden yang tinggal serumah dengan pasangan semenjak tiga tahun lalu.

### **v. Tempat Melakukan Seks**

1.59% responden melakukan seks di taman rekreasi, 11.11% di rumah sendiri, 1.59% di rumah tumpangan, dan 46.03% melakukan hubungan ini di rumah-rumah kawan. Yang baki 39.68% di lebih dari satu tempat.

### **vi. Mencegah Kehamilan**

28.58% daripada 63 responden yang melakukan hubungan seks bebas menggunakan kondom untuk mengelak diri atau pasangan dari kehamilan, 15.87% menggunakan kaedah inzal (memancut air mani keluar) dan 7.94% menggunakan pil pencegah. Yang bakinya 14.29% menggunakan pil dan kondom, 3.17% menggunakan kondom, pil dan kaedah inzal, 1.59% memakan buah tajam, 1.59% melakukan hubungan ketika pasangan perempuan dalam keadaan tidak subur dan

1.59% makan ubat tradisional. 25.4% yang lainnya tidak mengamalkan apa-apa pencegahan.

#### **vii. Tindakan Ibubapa**

Apakah tindakan oleh ibubapa responden apabila mengetahui tentang pembabitan anak mereka dalam hubungan seks luar nikah ini? 71.43% atau 45 orang dari responden yang melakukan hubungan seks menyatakan ibubapa mereka tidak mengetahui tentang kelakuan seks mereka. 28.58% (atau 18 orang) ibubapa responden mengetahui kelakuan anak mereka itu. Dari 18 orang (28.57%) ini 44.44% dari ibubapa mereka hanya memberi nasihat sahaja, 5.56% telah dimarahi diikuti dengan denda lain seperti dirotan dan sebagainya dan 16.67% dilarang dari keluar rumah.

#### **Faktor Keterlibatan Dalam Amalan Seks Bebas**

Apakah faktor ini? Untuk mencari faktor yang mendorong remaja melakukan seks bebas ini dua bentuk data diambil kira iaitu dari pengalaman remaja yang melakukannya dan keduanya dari pendapat remaja yang tidak melakukannya. Antara pembolehubah yang digunakan adalah pergaulan bebas, sikap remaja, kelab hiburan, pengaruh kawan, pengaruh media massa, hubungan kekeluargaan, alat cegah kehamilan, didikan agama dan pengaruh persekitaran.

##### **i. Pergaulan Bebas**

Pergaulan bebas adalah merujuk kepada pergaulan yang terlalu bebas di antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim sama ada antara pasangan yang sudah bertunang, kekasih ataupun kawan biasa tanpa mengira waktu. Data menunjukkan bahawa pergaulan bebas merupakan faktor utama yang mendorong kepada keterlibatan remaja dalam hubungan seks bebas ini. (Jadual 8)

76.52% daripada keseluruhan responden "amat setuju" dan "setuju" bahawa pergaulan bebas di kalangan remaja membawa kepada hubungan ini. Hanya 23.48% sahaja yang menyatakan kurang atau tidak setuju. Faktor ini diakui sendiri oleh responden yang terlibat dengan amalan ini, 88.89% dari 63 responden berkenaan mengakui bahawa pergaulan bebas mendorong mereka melakukan perbuatan ini.

Pergaulan tanpa batasan ini mendorong responden untuk berpegangan tangan (81.73%), bercium (63.47%), meraba tempat sulit pasangan (48.70%), berduadua di tempat gelap (51.30%), melakukan hubungan seks (54.78%), pergi ke rumah pasangan ketika tiada orang lain (34.78%) dan bermalam atau tidur bersama (46.09%). (Jadual 9).

## **ii. Sikap Remaja**

Sikap remaja terhadap seks itu sendiri merupakan satu lagi faktor yang boleh mendorong remaja ke hubungan seks bebas. Responden yang melakukan hubungan seks memandang seks sebagai satu keseronokan, kebanggaan dan satu trend semasa. 61.91% dari remaja yang mengamalkan seks bebas menganggap seks bebas adalah satu trend masa kini, 53.97% menganggap teruna atau dara bukan sesuatu yang penting, 50.79% menyatakan hubungan seks sebelum kahwin adalah suatu yang membanggakan dan menjadikan mereka popular di kalangan kawan-kawan mereka, 65.08% menyatakan seks adalah suatu keseronokan, 31.74% hubungan seks dengan kekasih adalah suatu pengorbanan, 52.38% menganggap seks dapat merapatkan hubungan kasih sayang, 49.21% seks boleh menenangkan hati dan 30.16% menyatakan seks boleh mendatangkan wang tambahan untuk mereka. (Jadual 10)

## **iii. Pengaruh Kawan**

Rakan sebaya sentiasa merupakan faktor utama yang dapat mempengaruhi tindakan kawan-kawan dan remaja. Rajah 4 menunjukkan 66.96% dari remaja ini menyatakan kawan baik mereka melakukan seks. Dalam lain perkataan mereka bergaul dalam kumpulan yang kebanyakannya melakukan perbuatan ini dan sudah pastilah mereka sendiri akan terdorong untuk turut melakukannya juga. Dari kenyataan mereka sendiri 53.97% mengakui bahawa kawan dan kekasih banyak mempengaruhi mereka dalam kelakuan seks mereka ini.

Hal ini boleh dijelaskan lagi apabila melihat gelagat responden yang melakukan hubungan seks bebas apabila bersama dalam kumpulan. 58.73% dari 63 orang menonton video lucu, 58.73% melihat majalah lucu, 69.84 melakukan hubungan seks dan 47.62 bertukar pasangan melakukan hubungan seks. Kelakuan-kelakuan ini sudah tentu mempengaruhi mereka yang ada bersama walaupun tidak terlibat dengannya. (Jadual 11)

## **iv. Pengaruh Media Massa**

Jadual 11 juga menunjukkan bahawa media massa khususnya yang berunsurkan fonografi seperti video dan majalah memainkan peranan dalam mempengaruhi remaja-remaja ini. Bahan-bahan ini mudah didapati di pasaran.

## **v. Pusat Hiburan**

Pusat hiburan seperti disko, kelab dangdut, kelab karaoke dan lain-lain semakin banyak didirikan khususnya di bandar-bandar besar yang terdapat di Lembah Kelang. Tempat-tempat ini sangat digemari oleh para remaja untuk

mencari hiburan yang membawa mereka untuk bergaul bebas tanpa batasan di bawa alunan muzik dan cahaya yang samar-samar. Keadaan tempat ini mendorong mereka berpakaian mendedahkan aurat dan ini mendorong mereka ke hubungan yang menghairahkan.

Kajian soalselidik ini mendapati bahawa 33.04% dari keseluruhan 115 responden amat bersetuju bahawa pusat-pusat hiburan mendorong ke arah kelakuan seks bebas, manakala 43.48% bersetuju. 35.65% pula mengakui bahawa pakaian yang terbuka di kalangan remaja perempuan mendorong remaja lelaki untuk melakukan hubungan seks dengan mereka.

#### **iv. Hubungan Kekeluargaan**

Kasih sayang dan perhatian keluarga terutamanya ibubapa boleh memelihara kelakuan tumbesaran remaja. Sebaliknya hubungan kekeluargaan yang pincang boleh merosakkan remaja yang nantinya membawa kepada keruntuhan moral. Dalam kajian ini didapati bahawa 79.37% dari keseluruhan responden yang terlibat dengan kegiatan seks bebas tinggal bersama ibubapa mereka, 17.46% tinggal bersama nenek dan 3.17% tinggal bersama saudara lain seperti kakak atau abang. Namun demikian 79.37% dari mereka menghadapi masalah keluarga atau keselesaan tempat tinggal. (Jadual 12)

Jadual 12 menunjukkan 20.63% dari 63 remaja yang terlibat dalam seks bebas merasai bahawa ibubapa mereka terlalu mengongkong mereka, 17.46% mengatakan adik-beradik mereka terlalu ramai, 14.28% mengatakan tempat tinggal mereka tidak selesa, 12.70% mengakui ibubapa mereka selalu bertengkar, 7.94% menghadapi masalah perceraian ibubapa dan 6.35% menganggapkan ibubapa mereka terlalu garang. Hanya 20.63% sahaja merasakan keluarga mereka tiada masalah. Yang 20.63% dari yang terlibat dalam kelakuan seks bebas ini kemungkinannya dipengaruhi oleh kawan sebaya sepenuhnya.

Kepincangan dalam keluarga ini menyebabkan 14.29% dari 63 remaja ini merasakan mereka gembira bila bersama kawan daripada bersama keluarga, 74.60% merasakan kawan lebih memahami masalah mereka dari keluarga. Mereka ini lebih suka membincangkan masalah berkaitan seks dengan kawan-kawan dari keluarga dan mungkin salah satu punca mereka terdorong kepada kelakuan berkenaan.

#### **vii. Alat Mencegah Kehamilan**

Dalam membincangkan cara mencegah kehamilan di atas kita dapati 74.6% dari 63 responden yang terlibat dalam kelakuan negatif ini menggunakan cara-cara tertentu untuk mencegah pasangan perempuan dari hamil termasuk menggunakan

pil, kondom, cara tradisional dan juga tempoh tidak subur pasangan perempuan. Ini menyebabkan tidak ada rasa bimbang hamil pada mereka dan sudah tentu mendorong mereka untuk terus mengamalkan kelakuan ini. Hal ini pula dibantu oleh kemudahan untuk mendapatkan bahan-bahan tersebut di farmasi-farmasi di Lembah Kelang ini. 31.75% mengakui bahawa kemudahan ini mendorong mereka. 31.75% dari mereka juga mengakui bahawa kalau mengandungpun, mereka senang mendapatkan khidmat pengguguran kandungan di banyak klinik di kawasan ini.

#### **viii. Persekitaran**

Kemudahan tempat untuk melakukan hubungan ini juga merupakan pendorong kepada kelakuan ini. Kawan-kawan mereka sanggup meminjamkan tempat tidur mereka, ibubapa sibuk dengan kerja sepanjang hari, taman rekreasi yang sunyi, seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, kesemua ini adalah kemudahan dan dorongan untuk mereka melakukan hubungan tanpa gangguan.

#### **ix. Didikan Agama**

63.50% dari 63 responden berkenaan merasakan agama mengongkong kehidupan mereka, 31.74% menyatakan arak boleh melupakan masalah yang mereka hadapi; 44.44% pergi ke disko untuk melupakan masalah; dan 34.75% mengakui permainan video boleh mengembirakan hati mereka. Peratusan-peratusan ini menunjukkan bahawa remaja responden ini kurang memahami agama apa lagi untuk menghayatinya. Ianya tidak akan berlaku sekiranya mereka diberi fahaman dan didikan yang sesuai tentang agama dan diasuh untuk mengamalkannya. (Jadual 13).

#### **Kesimpulan**

Satu perkara yang perlu diambil perhatian ialah sampel kajian ini ialah remaja yang melepak di pusat-pusat membeli-belah, pusat-pusat hiburan dan juga di dataran-dataran yang ada di sekitar Lembah Kelang ini. Ini bererti kajian ini tidak mewakili remaja di Lembah Kelang secara keseluruhannya. Peratus dan kesimpulan yang dibuat adalah dipengaruhi oleh keadaan ini.

Secara ringkas kajian ini boleh disimpulkan bahawa kebanyakan dari remaja yang melepak terlibat dengan kelakuan seks bebas yang dilakukan di antara rakan-rakan yang rapat seperti tunang dan kekasih dan biasanya dilakukan di rumah-rumah kawan. Kebanyakan mereka menggunakan kaedah penggunaan hamil yang mudah diperolehi di sekitar Lembah Kelang.

Banyak faktor yang boleh dikaitkan dengan kelakuan seks bebas di kalangan remaja ini; ketidak-tegasan ibubapa dalam menangani masalah ini apabila sampai ke pengetahuan mereka, pergaulan yang tidak terkawal di kalangan remaja yang menyebabkan mereka boleh pergi ke mana dan dengan siapa sahaja, sikap remaja terhadap seks sendiri yang berpunca dari hilangnya pertimbangan pahala dan dosa dan moraliti, dan masalah dalam keluarga, tempat tinggal yang tidak selesa dan hubungan dengan ibubapa. Tarikan dari luar juga memainkan peranan yang penting; kemudahan pusat hiburan, pengaruh kawan dan media massa dan mudahnya terdapat alat pencegah hamil.



## JADUAL

Jadual 1 :  
Pemilihan Responden Berdasarkan Kawasan

TEMPAT	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Kompleks Membeli-belah	76	66.09
Taman Rekreasi	6	5.22
Stesyen Bas	4	3.48
Pusat Hiburan	6	5.22
Restoran	7	6.09
Dataran Klang	6	5.22
Tepi Bangunan	10	8.69
Jumlah	115	100.00


Sumber: Borang Soal Selidik

Jadual 2:  
Latar Diri Responden


UMUR	LELAKI		PEREMPUAN		JUMLAH	
	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus
12 - 15 Tahun	7	6.09	20	17.39	27	23.48
16 - 18 Tahun	23	20.00	21	18.26	44	38.26
19 - 21 Tahun	13	11.30	18	15.65	31	26.96
22 - 25 Tahun	4	3.48	9	7.83	13	11.30
JUMLAH	47	40.87	68	59.13	115	100.00

Sumber: Borang Soal Selidik

**Rajah 3:**  
**Peratusan Responden Yang Melakukan Seks Bebas**



**Rajah 4:**  
**Peratusan Kawan Responden Yang Melakukan Seks Bebas**



*Kelakuan Seks Bebas Di Kalangan Remaja Melayu*

Jadual 5:  
Jantina Dan Umur Remaja Yang Melakukan Seks Bebas

UMUR	LELAKI		PEREMPUAN		JUMLAH	
	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus
12 - 14 Tahun	-	-	3	4.76	3	4.76
15 - 17 Tahun	13	20.63	6	9.52	19	30.16
18 - 21 Tahun	13	20.63	18	28.57	31	49.21
22 - 25 Tahun	2	3.18	8	12.7	10	15.87
<b>JUMLAH</b>	<b>28</b>	<b>44.44</b>	<b>35</b>	<b>55.55</b>	<b>63</b>	<b>100.00</b>

Jadual 6:  
Umur Remaja Mula Melakukan Seks Bebas

UMUR	LELAKI		PEREMPUAN		JUMLAH	
	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus
12 - 14 Tahun	10	15.87	8	12.7	18	28.57
15 - 17 Tahun	14	22.22	11	17.64	25	39.68
18 - 21 Tahun	4	6.35	13	20.63	17	26.98
22 - 25 Tahun	-	-	3	4.76	3	4.76
<b>JUMLAH</b>	<b>28</b>	<b>44.44</b>	<b>35</b>	<b>55.55</b>	<b>63</b>	<b>100.00</b>

**Jadual 7:**  
**Kawan Responden Yang Melakukan Seks Bebas**

<b>UMUR</b>	<b>BILANGAN</b>	<b>PERATUS</b>
12 - 14 Tahun	20	25.97
15 - 17 Tahun	30	38.96
18 - 21 Tahun	27	35.06
22 - 25 Tahun	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>77</b>	<b>100.00</b>

**Jadual 8:**  
**Pengaruh Pergaulan Bebas**

	<b>KESELURUHAN</b>		<b>RESPONDEN YANG TERLIHAT</b>	
<b>PENDAPAT</b>	<b>RESPONDEN</b>		<b>DENGAN SEKS BEBAS</b>	
<b>RESPONDEN</b>	<b>Bilangan</b>	<b>PERATUS</b>	<b>Bilangan</b>	<b>PERATUS</b>
Amat Setuju	35	30.43	23	36.51
Setuju	53	46.09	33	52.38
Kurang Setuju	9	7.83	1	1.59
Tidak Setuju	8	6.96	4	6.35
Amat Tidak Setuju	10	8.69	2	3.17
<b>JUMLAH</b>	<b>115</b>	<b>100.00</b>	<b>63</b>	<b>100.00</b>

Sumber: Borang Soal Selidik

Jadual 9:  
Aktiviti Responden Bersama Pasangan (Kekasih)

AKTIVITI	YA		TIDAK	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Berpegang tangan	94	81.73	21	18.26
Bercium	73	63.47	42	36.52
Meraba Tempat Sulit Pasangan	56	48.70	59	51.30
Berdua-duan di tempat gelap	59	51.30	56	48.69
Melakukan hubungan seks	63	54.78	52	45.22
Pergi ke rumahnya semasa tiada orang lain di rumah	40	34.78	75	34.78
Bermalam atau tidur bersama	53	46.09	62	46.09

Sumber: Borang Soal Selidik

Jadual 10:  
Tanggapan Responden Tentang Seks

PENDAPAT RESPONDEN	Trend Masa Kini		Teruna Atau Dara Bukan Sesuatu Yang Penting		Satu Kebanggaan		Sesuatu Yang Menyorokkan	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Amat Setuju	12	19.05	19	30.16	17	26.98	19	30.16
Setuju	27	42.86	18	28.57	15	23.81	22	34.92
Kurang Setuju	10	15.87	8	12.7	9	14.29	8	12.7
Tidak Setuju	3	4.76	7	11.11	2	3.17	4	6.35
Amat Tidak Setuju	11	17.46	11	17.46	20	31.75	10	15.8
<b>JUMLAH</b>	<b>63</b>	<b>100</b>	<b>63</b>	<b>100</b>	<b>63</b>	<b>100</b>	<b>63</b>	<b>100</b>

Sumber: Borang Soal Selidik

Jadual 10:  
(Sambungan)

PENDAPAT RESPONDEN	Lambang Pengorbanan Cinta		Merapatkan Hubungan Kekasih		Boleh Menenangkan Hati		Boleh Mendatangkan Duit Poket	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Amat Setuju	10	15.87	16	25.4	20	31.75	7	11.11
Setuju	10	15.87	17	26.98	11	17.46	12	19.05
Kurang Setuju	16	25.40	13	20.63	6	9.52	16	25.40
Tidak Setuju	3	4.76	5	7.94	6	9.52	4	6.35
Amat Tidak Setuju	24	38.10	12	19.05	20	31.75	24	38.1
<b>JUMLAH</b>	<b>63</b>	<b>100</b>	<b>63</b>	<b>100</b>	<b>63</b>	<b>100</b>	<b>63</b>	<b>100</b>

Sumber: Borang Soal Selidik

Jadual 11:  
Aktiviti Yang Dilakukan Oleh Kawan Responden

AKTIVITI	YA		TIDAK	
	Bilangan	%	Bilangan	%
Menonton Blue Film	37	58.73	26	41.27
Melihat Majalah Lucah	37	58.73	26	41.27
Melakukan Hubungan Seks	44	69.84	19	30.16
Bertukar Pasangan Dalam Melakukan Seks	30	47.62	33	52.38

Sumber: Borang Soal Selidik

Jadual 12:  
Masalah Keluarga Responden

MASALAH-MASALAH KELUARGA	BILANGAN	PERATUS
Ibubapa terlalu mengongkong	13	20.63
Adik beradik terlalu ramai	11	17.46
Tempat tinggal tidak selesa	9	14.29
Ibubapa sering bertengkar	8	12.70
Ibubapa bercerai	5	7.94
Ibubapa terlalu garang	4	6.35
Tiada masalah keluarga	13	20.63
<b>JUMLAH</b>	<b>63</b>	<b>100.00</b>

Sumber: Borang Soal Selidik

Jadual 13:  
Kurang Didikan Agama

PENDAPAT RESPONDEN	Agama Mengongkong Pergerakan		Disko Dapat Menenangkan Hati		Minum Arak Boleh Melupakan Masalah		Permainan Video Dengan Menggembirakan Hati	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Amat Setuju	20	31.75	15	23.81	14	22.22	8	12.7
Setuju	20	31.75	13	20.63	6	9.52	12	19.05
Kurang Setuju	9	14.29	5	7.94	3	4.76	11	17.46
Tidak Setuju	4	6.35	10	15.87	15	23.81	10	15.87
Amat Tidak Setuju	10	15.87	20	31.75	25	39.68	22	34.92
<b>JUMLAH</b>	<b>63</b>	<b>100.00</b>	<b>63</b>	<b>100.00</b>	<b>63</b>	<b>100.00</b>	<b>63</b>	<b>100.00</b>

